

DEB untuk kebaikan semua

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

DATUK Seri Dr. Mahathir tentulah tidak berkali-kali bercakap mengenai Dasar Ekonomi Baru dan faedahnya kepada negara jika tidak dilihat adanya kempen hendak menggagalkan dasar tersebut. Beliau menasihatkan mereka yang menjalankan kempen itu supaya segera memberhentikannya.

Matlamat DEB adalah jelas, menurut Timbalan Perdana Menteri. Mereka yang menentangnya bukan sahaja merugikan negara malah diri sendiri juga. Kerajaan sedia mengubahsuaikan cara pendekatan DEB tetapi tidak akan terpesong dari matlamatnya hendak membasmikan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, katanya.

Dasar Ekonomi Baru tentulah tidak dapat memberi kekayaan dan kemewahan kepada seluruh dan setiap rakyat. Itu perkara mustahil. Tetapi ia bertujuan memberi kehidupan yang lebih bermakna kepada seberapa banyak rakyat yang boleh dengan cara mengimbangkan seberapa yang boleh dan terdaya kedudukan dan taraf ekonomi rakyat Malaysia.

Memang benar kata Datuk Seri Mahathir bahawa setiap negara mempunyai Dasar Ekonomi Barunya sendiri dan dasar ini sentiasa ditegur dan dikecam oleh saudagar-saudagar yang meradang kerana tidak sesuai dengan kehendak mereka.

Inilah yang menjadi masalah, kerana dasar seperti itu adalah untuk kebaikan dan faedah bilangan terbanyak. Bilangan yang tersedikit tidak harus menuntut supaya dasar itu diubah untuk menyesuaikan dengan kehendak mereka. Sebaliknya merekalah yang harus menyesuaikan diri dengan dasar tersebut.

Kalau kemahuan yang sedikit dipenuhi dan kemahuan yang banyak diketepikan, maka berbangkitlah nanti kekacauan dan rusuhan. Ini amat tidak baik kepada dunia perniagaan dan perusahaan.

Amat tidak baik kalau Bumiputera tidak dibantu menguatkan kedudukan mereka dalam bidang ekonomi. Kerana lagi jauh mereka tertinggal, lagi besar bahayanya terhadap ketenteraman dan kestabilan. Sebaliknya lagi dekat mereka kepada kedudukan ekonomi kaum-kaum yang lain, lagi kurangnya bahaya itu. Tidakkah ini satu faedah dan keuntungan kepada semua?

Oleh itu mereka yang cuba menggagalkan Dasar Ekonomi Baru tidak membuat satu jasa pun kepada diri sendiri, apa lagi kepada masyarakat dan negara. Mereka seolah-olah atau pura-pura tidak nampak bahawa perniagaan dan perusahaan tidak boleh maju dan ekonomi boleh roboh sekiranya keadaan negara dalam keluh kesah dan tidak stabil, akibat satu golongan terbesar hidup dalam keadaan merana sedang satu golongan terbesar lagi hidup dalam keadaan yang lebih sempurna.

Biarlah kita beramai-ramai berkongsi setengah periuk nasi daripada kita bergaduh hingga pecah periuk nasi itu.